

Tiga negeri catat IPU tidak sihat

» *Kebakaran tanah, hutan di Sumatera punca jerebu*

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar, Mohd Roji Kawi, Siti Fatimah Mohamed Anwar, Ifwan Tun Tuah, S Anand Kumar, Zanariah Abd Mutalib, Ahmad Suhael Adnan, Fazrol Nasir dan Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Beberapa kawasan di Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat akibat jerebu.

Setakat jam 5 petang semalam, IPU di bandar raya Melaka pada 118 dan Bukit Rambai 119, manakala di Negeri Sembilan, IPU di Nilai mencecah 117 dan Seremban 109. IPU di Batu Muda, Kuala Lumpur 102 dan Putrajaya 103.

IPU sifar hingga 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (amat tidak sihat) dan lebih 301 (berbahaya).

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kenyataan berkata jerebu sekitar Lembah

Klang dan selatan Pantai Barat Semenanjung berpunca daripada kebakaran tanah dan hutan di Sumatera serentak cuaca kering yang dijangka berakhir apabila bermula musim peralihan monsun, Oktober ini.

Pembenihan awan

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail pula berkata, pihaknya bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan melaksanakan pembenihan awan jika IPU mencatatkan bacaan tidak sihat selama 72 jam berturut-turut.


Di **Negeri Sembilan**, Pengarah JAS negeri, Ruslan Mohamad, berkata jerebu di Nilai dan Seremban mencatatkan bacaan tidak sihat, masing-masing 116 dan 107, manakala Port Dickson berada pada tahap sederhana, iaitu 94 sehingga jam 3 petang semalam.

Di **Putrajaya**, IPU menunjukkan kualiti udara mencecah paras tidak sihat dengan bacaan lebih 100 petang semalam. Bacaan IPU pada jam 12 tengah hari pada 74, iaitu paras sederhana sebelum meningkat 103 pada jam 5 petang.

Di **Melaka**, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Shafe'ee Yasin, berkata jerebu di bandar raya Melaka dan Bukit Rambai disebabkan enam titik panas yang dikesan di Sumatera serta 333 titik panas lagi di Kalimantan.

INFO

Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Semenanjung 7 September 2015 (Setakat jam 5 petang)



Elak pembakaran terbuka

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron menasihatkan penduduk tidak melakukan pembakaran terbuka bagi mengelak pencemaran udara dan jerebu lebih teruk.

Di **Kuantan**, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abdul Razak, berkata

kualiti udara di negeri itu masih baik dengan IPU di tiga kawasan mencatatkan bacaan sederhana, iaitu bawah 100 di Balok Baru, Indera Mahkota, Kuantan dan Jerantut.

Di **Johor Bahru**, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata jerebu di kebanyakan kawasan di Johor pada tahap sederhana, kecuali Muar yang mencatatkan IPU tidak sihat setakat jam 4 petang semalam.

Di **Kuala Terengganu**, Pengarah Jabatan Meteorologi negeri, Jenuwa Husin, berkata hanya Kemaman sedikit terjejas dengan jarak penglihatan direkodkan

adalah 8,000 meter, berbanding 7,000 meter sebelum ini, namun semakin pulih berikutan hujan kelmarin.

Di **Kuching**, stesen Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak di Kuching, Samarahan, Sarikei dan Sri Aman, mencatatkan bacaan IPU sederhana, antara 55 hingga 82 sehingga jam 3 petang semalam, menurun berbanding jam 11 pagi sebelum itu.

Di **Butterworth**, Pengarah JAS negeri, Nor Hayati Yahaya, berkata, jerebu di Pulau Pinang semakin pulih dengan bacaan IPU dicatat sederhana, antara 58 hingga 54 dan keadaan itu turut dibantu hujan yang turun sejak beberapa hari lalu.



Keadaan jerebu yang dirakam di ibu negara, semalam.

[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]



Keadaan jerebu di Putrajaya pada jam 1 tengah hari semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]